

KHUTBAH JUMAAT

“NUZUL AL-QURAN: CAHAYA PETUNJUK SEPANJANG ZAMAN”

(06 Mac 2026M/ 16 Ramadan 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى
وَالْفُرْقَانِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah, dan meninggalkan segala tegahan. Teruskanlah *istiqamah* dalam menjalani ibadah puasa, solat, tilawah dan *qiyam* dengan berusaha sebaik-baiknya mengikhlaskan setiap amalan. Semoga kita dilimpahi rahmat Allah ketika di dunia, lebih-lebih lagi ketika kehidupan di akhirat yang tiada pengakhiran.

Berikan tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari perkara-perkara *lagha*, berbual-bual dan

berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih kesempurnaan ganjaran solat Jumaat yang dijanjikan. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk, "**Nuzul al-Quran: Cahaya Petunjuk Sepanjang Zaman**".

Muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kita memanjatkan syukur ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala* kerana diberikan kesempatan untuk berada di pertengahan bulan Ramadan al-Mubarak. Hari-hari yang telah kita lalui di bulan ini dengan ibadah, diharapkan dapat menumbuhkan hati yang merindukan keampunan dan seterusnya menyuburkan lagi benih-benih ketakwaan. Marilah bersama-sama kita istiqamah dengan ibadah dan ketaatan. Semoga kita dipertemukan dengan lailatul qadar yang penuh keberkatan.

Jemaah yang dimuliakan,

Nuzul al-Quran merupakan proses penurunan al-Quran. Mengetahui dan memahami cara penurunannya, dapat mempertingkatkan keyakinan kita akan kebenaran al-Quran sebagai kalam Allah. Seterusnya meyakini bahawa Nabi Muhammad *sallallahu alaihiwasallam* sebagai pesuruh-Nya. Al-Quran pada mulanya berada di Luh Mahfuz sebagaimana firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Buruj, ayat 21 hingga 22:

بَلْ هُوَ قُرْآنٌ مَّجِيدٌ. فِي لَوْحٍ مَّحْفُوظٍ.

Maksudnya: *“Bahkan (yang didustakan itu) ialah al-Quran yang tinggi kemuliaannya. (Lagi) terpelihara dengan sebaik-baiknya di Lauh Mahfuz.”*

Kemudiannya diturunkan ke *Baitul Izzah* yang terletak di langit dunia. Penurunannya berlaku pada malam yang penuh keberkatan iaitu lailatul qadar di bulan Ramadan secara sekaligus. Firman-Nya dalam surah al-Qadar, ayat 1:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ

Maksudnya: *“Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (Al-Quran) pada malam al-Qadar.”*

Setelah itu, al-Quran diturunkan dari *Baitul Izzah* kepada Rasulullah melalui malaikat Jibril sebagaimana firman-Nya dalam surah as-Syuara', ayat 192 hingga 195:

وَإِنَّهُ لَتَنْزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ . نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ .
عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ . بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُبِينٍ .

Maksudnya: *“Dan sesungguhnya al-Quran ini adalah diturunkan oleh Tuhan seluruh alam. Yang dibawa turun oleh Malaikat Jibril yang amanah. Ke dalam hatimu agar kamu (wahai Muhammad) termasuk dalam kalangan orang yang memberi amaran (kepada umat manusia). (la diturunkan) dalam bahasa Arab yang fasih dan jelas.”*

Al-Quran kemudiannya diturunkan secara beransur-ansur kepada Rasulullah *sallallahu alaihiwasallam* sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Isra', ayat 106:

وَقُرْآنًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا.

Maksudnya: *“Dan Al-Quran itu telah Kami turunkan sedikit demi sedikit agar kamu (wahai Muhammad) membacakannya perlahan-lahan kepada manusia dan Kami menurunkannya dengan beransur-ansur.”*

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya Al-Quran yang diturunkan oleh Allah secara beransur-ansur ini mengandungi banyak hikmah yang besar. Antaranya ialah:

Pertama : Untuk memudahkan Rasulullah SAW menghafal, memahami dan menghayati isi kandungannya, serta memudahkan para sahabat melaksanakan perintah Allah.

Kedua : Untuk menguatkan hati dan menenangkan jiwa baginda, dengan bimbingan, peringatan dan kisah para nabi terdahulu agar baginda terus sabar dan tabah dalam menghadapi ujian.

Ketiga : Untuk meneguhkan kedudukan dan keyakinan Rasulullah SAW bahawa baginda sentiasa dipelihara dan dibimbing oleh Allah.

Keempat : Untuk mendidik masyarakat Arab ketiks itu secara berperingkat dalam meninggalkan adat dan amalan jahiliah, kerana perubahan secara mendadak akan menjadi terlalu berat bagi mereka.

Kelima : Supaya ayat-ayat al-Quran diturunkan sesuai dengan keadaan, peristiwa dan keperluan semasa masyarakat.

Keenam : Sebagai tanda sunnatullah bahawa perubahan dan pembinaan manusia berlaku secara beransur-ansur, bukan secara serta-merta.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah sekalian,

Sesungguhnya penurunan al-Quran secara beransur-ansur ini menjadi titik permulaan kepada perubahan besar dalam peradaban manusia. Ia mengeluarkan manusia daripada kegelapan jahiliah kepada cahaya Islam. Manusia beralih daripada menyembah berhala kepada menyembah Allah Yang Maha Esa. Kebatilan dan kezaliman digantikan dengan kebenaran dan keadilan.

Melalui bimbingan al-Quran, terbinalah masyarakat Islam yang berteraskan persaudaraan dan perpaduan. Nilai kemanusiaan dipelihara, dan kemuliaan seseorang diukur berdasarkan ketakwaannya. Yang kaya membantu yang miskin, yang kuat melindungi yang lemah. Kehidupan menjadi aman dan sejahtera selagi al-Quran dijadikan rujukan, panduan dan pedoman.

Sidang jemaah sekalian,

Sesungguhnya al-Quran merupakan mukjizat agung kurniaan Illahi. Ia mengandungi **30 juzuk, 114 surah** dan **6,236 ayat** menurut kiraan yang masyhur. Ayat-ayatnya diturunkan dalam dua fasa utama, iaitu ayat *Makkiyyah* yang diturunkan sebelum hijrah dan ayat *Madaniyyah* yang diturunkan sesudahnya, sesuai dengan keperluan dakwah dan pembinaan umat. Kemukjizatan al-Quran ini dapat dilihat dalam beberapa aspek:

Pertama : Kemukjizatan bahasanya. Keindahan, susunan dan kekuatan bahasanya berada di luar kemampuan manusia untuk menandinginya.

Kedua : Kemukjizatan syariatnya. Hukum-hakam seperti solat, puasa, zakat dan haji membentuk kehidupan manusia secara seimbang dan sempurna.

Ketiga : Kesan kejiwaan dan rohani. Bacaan al-Quran memberi ketenangan, melembutkan hati dan menguatkan iman.

Keempat : Petunjuk terhadap hakikat alam dan kehidupan yang semakin difahami selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan.

Mukjizat ini terzahir menerusi sejarah peradaban manusia sebelum era moden kini dan telah terbukti bahawa kajian dan penghayatan terhadap al-Quran menjadi sebab terbukanya hati manusia untuk menerima hidayah Allah *subhanahu wata'ala*.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, bersempena sambutan nuzul al-Quran, khatib ingin menyeru kepada jemaah sekalian akan beberapa perkara yang kita perlu tekankan dan dijadikan amalan setelah melangkah keluar dari masjid sebentar lagi:

Pertama : Al-Quran merupakan panduan hidup. Membacanya, memahaminya dan mengamalkannya dalam setiap aspek kehidupan menjadi sebab memperoleh kebahagiaan di dunia, keselamatan dan menaikkan darjat kedudukan di akhirat.

Kedua : Al-Quran hendaklah dipelajari. Mulakanlah langkah dengan belajar membacanya dengan baik dan sempurna sebelum melangkah lebih jauh seperti memahami makna bacaan Al-Quran dalam solat dan seterusnya tanpa mengabaikan pembelajaran fardhu ain sepanjang hayat iaitu akidah, feqah dan akhlak.

Ketiga : Pastikan ahli keluarga dan lingkungan kehidupan kita boleh membaca Al-Quran dengan baik. Seterusnya hidupkanlah persekitaran kita dengan budaya membaca Al-Quran, bermula dari rumah kita sendiri.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah dalam surah Al-Baqarah, ayat 2:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ.

Maksudnya: “Kitab (al-Quran) ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya daripada Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang bertakwa.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim cuaca panas dan hujan yang silih berganti ini, khatib menyeru agar kita sentiasa menjaga kesihatan diri dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

Selain itu, teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Imam at-Tabarani *rahimahullah* meriwayatkan daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... وَأَيُّمَا عَبْدٍ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا فَالنَّارُ أُولَى بِهِ))

Maksudnya: Sesiapa sahaja daripada kalangan manusia, dagingnya itu tumbuh dari perkara yang haram dan amalan riba, api

nerakalah yang patut (untuk membakar dan menghilangkan) daging tersebut.

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang memudaratkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang

akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepadaMu sepanjang bulan yang agung ini Ya, Allah.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Ḥakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Ḥafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.